

Tazkiyyat Al-Nafs Dan Kepentingannya Dalam Menghapuskan Sifat Mazmumah Dan Menghidupkan Sifat Mahmudah Dalam Diri

Hamdan Bin Zakaria, Mohd Fadhil Bin Aziz

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis, Malaysia

Email: hamdanzakaria@ptss.edu.my, mfadhilaziz@ptss.edu.my

Abstrak–Tazkiyyat al-Nafs merupakan satu proses kerohanian dalam Islam yang bertujuan untuk membersihkan jiwa daripada sifat-sifat mazmumah (negatif) dan menguatkan sifat-sifat mahmudah (positif). Tazkiyyat al-Nafs berakar umbi daripada al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad SAW yang menekankan kepentingan membersihkan jiwa sebagai langkah menuju kesempurnaan rohani. Proses ini melibatkan pemikiran, kawalan diri, dan usaha aktif untuk meningkatkan perwatakan. Kepentingan Tazkiyyat al-Nafs dapat difahami dalam konteks pembersihan rohani yang membolehkan seseorang itu mendekati Allah SWT dan mencapai kebahagiaan yang hakiki. Dengan menghilangkan sifat-sifat mazmumah seperti sombong, tamak, dan marah, seseorang dapat mencapai ketenangan batin dan kebahagiaan yang hakiki. Selain itu, Tazkiyyat al-Nafs membantu seseorang mengembangkan sifat-sifat mahmudah seperti kejujuran, kesabaran, dan belas kasihan, yang merupakan asas kepada kehidupan yang bermakna dan harmoni. Dengan mengukuhkan sifat-sifat mahmudah ini, seseorang itu boleh menjadi suri teladan kepada diri sendiri dan masyarakat sekeliling. Kajian ini memberi fokus kepada mengupas kepentingan Tazkiyyat al-Nafs dalam menghapuskan sifat mazmumah (tercela) dan menghidupkan kembali sifat mahmudah (terpuji) dalam diri seseorang. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan merujuk kajian-kajian terdahulu berkaitan proses tazkiyyat al-nafs. Hasil kajian menunjukkan kepentingan tazkiyyat al-nafs di dalam proses menyucikan diri seterusnya mendekati (taqarrub) Allah. Secara keseluruhannya, Tazkiyyat al-Nafs adalah sebahagian daripada perjalanan kerohanian dalam Islam, yang membantu individu menghapuskan sifat mazmumah dan menghidupkan semula sifat mahmudah dalam diri mereka. Melalui usaha yang gigih dan sedar, seseorang boleh mencapai ketenangan dan keberkatan dalam kehidupan mereka.

Kata Kunci: Tazkiyyat Al-Nafs; Sifat Mazmumah; Sifat Mahmudah

Abstract–Tazkiyyat al-Nafs is a spiritual process in Islam which aims to cleanse the soul of mazmumah (negative) traits and strengthen mahmudah (positive) traits. Tazkiyyat al-Nafs has its roots in the Koran and Sunnah of the Prophet Muhammad SAW which emphasize the importance of cleansing the soul as a step towards spiritual perfection. This process involves thinking, self-control, and active efforts to improve character. The importance of Tazkiyyat al-Nafs can be understood in the context of spiritual cleansing which allows a person to approach Allah SWT and achieve true happiness. By eliminating mazmumah traits such as arrogance, greed and anger, a person can achieve inner peace and true happiness. In addition, Tazkiyyat al-Nafs helps a person develop easy qualities such as honesty, patience, and compassion, which are the principles of a meaningful and harmonious life. By strengthening these easy qualities, a person can become a role model for himself and the community around him. This study focuses on exploring the importance of Tazkiyyat al-Nafs in eliminating the mazmumah (disgraceful) nature and reviving the mahmudah (praiseworthy) nature in a person. This study is in qualitative form by referring to previous studies related to the tazkiyyat al-nafs process. The results of the study show the importance of tazkiyyat al-nafs in the process of purifying oneself and then approaching (taqarrub) Allah. Overall, Tazkiyyat al-Nafs is part of the spiritual journey in Islam, which helps individuals eliminate the mazmumah nature and revive the mahmudah nature within themselves. Through persistent and conscious effort, one can achieve serenity and blessing in their life.

Keywords: Tazkiyyat Al-Nafs, Mazmumah Nature, Mahmudah Nature

1. PENDAHULUAN

Dalam menghadapi suasana kehidupan hari ini dengan pelbagai cabaran dan tekanan menyebabkan manusia hidup dalam keadaan tertekan dan jiwa tidak stabil. Kertas konsep ini dikemukakan sebagai panduan untuk menghilangkan sifat mazmumah dan menghidupkan sifat mahmudah di dalam diri sebagai pilihan kepada umat Islam untuk mengurangkan sedikit tekanan seterusnya menempatkan diri mereka di kalangan orang-orang yang tenang dan beriman. Ia juga diharapkan menjadi pemangkin semangat umat islam untuk bermujahadah mencapai peringkat terbaik dalam tazkiyyat al-nafs.

2. METODE PENELITIAN

Tazkiyyat al-Nafs merupakan dua perkataan yang berasal dari bahasa arab. Menurut kamus al-Jadid (1993) Tazkiyyat berasal dari perkataan zakka yang bererti bersih manakala al-Nafs pula bererti diri. Tazkiyyat al-Nafs membawa maksud usaha pembersihan nafsu yang mempunyai kaitan rapat dengan perkara-perkara yang bersangkutan dengan makanan antaranya ialah cara atau sumber mendapatkan rezeki yang halal, kaedah pengambilan makanan, kuantiti dan kualiti makanan yang dipilih serta adab sopan sewaktu menjamah makanan. (Rosnaaini, 2019). Sifat mazmumah atau dikenali sebagai sifat tercela atau maksiat batin adalah perkara yang patut dijauhi oleh umat Islam. Imam al-Ghazali menjelaskan antara sifat-sifat mazmumah ialah gemar makan dan minum, banyak berkata-kata (yang sia-sia), marah, hasad dengki dan iri hati, kasih pada harta, takbur, riyak, ujub, dan kasih akan dunia. Sifat mahmudah pula bermaksud terpuji atau taat yang batin perlu diambil sebagai panduan. Sifat mahmudah menurut Imam al-Ghazali juga seseorang itu mestilah mempunyai ciri-ciri berikut, seperti taubat, takut

akan Allah SWT, kasih akan Allah SWT, zuhud, sabar, syukur, ikhlas serta benar, tawakal, redha dengan qadha' Allah SWT dan mengingati mati (Ismail & Mohd. Azrul, 2013).

Bagi mengumpul data kajian ini, metodologi yang digunakan ialah dengan membuat analisis terhadap kandungan penulisan ilmiah yang berkaitan dengan topik yang dikaji. Analisis kandungan merupakan satu kaedah yang biasa dilakukan oleh pengkaji bagi mengenalpasti isi penting dan membuat ulasan dari maksud tersirat sesuatu kandungan (Mawaddah & Haziah, 2016).

3. HASIL DAN PEMBAHASAN

3.1 Tazkiyyat Al-Nafs Menghapuskan Sifat-Sifat Mazmumah

Apabila diri seseorang itu bersih dari segi jasmani dan rohani, sesungguhnya terpeliharalah seseorang itu dari melakukan perkara yang keji atau sifat mazmumah. Hal demikian juga boleh dijadikan kayu ukur kepada bersih atau tidak diri seseorang itu. Jika merasakan diri sudah bersih tetapi dalam masa yang sama masih melakukan atau memiliki sifat-sifat mazmumah maka hakikatnya diri tersebut belum lagi mencapai Tazkiyyat al-Nafs yang sebenarnya. Menurut Rosnaaini (2019) sesungguhnya konsep Tazkiyyat al-Nafs merujuk kepada perkara yang bersangkutan dengan usaha pembersihan hawa nafsu dalam diri seseorang sehingga hati menjadi bersih daripada sebarang pengaruh yang tidak baik serta mampu melahirkan akhlak mulia yang kelihatan selari dengan tuntutan syariat Islam. Usaha Tazkiyyat al-Nafs perlu dilakukan melalui gabungan secara serentak yang melibatkan pengawalan dan latihan oleh anggota fizikal dan spiritual. Penjelasan ini menunjukkan bahawa pembersihan diri juga perlu berjalan serentak antara fizikal dan spiritual. Disamping mengamalkan suruhan dan meninggalkan apa yang dilarang serta menjaga halal dan haram dari segala sudut dalam masa yang sama hendaklah menjaga adab-adab Islam yang akan membawa kepada bersihnya hati dan mulianya akhlak seseorang. Oleh itu Tazkiyyat al-Nafs amat penting bagi permulaan seorang menjauhi segala sifat-sifat mazmumah seperti yang telah dinyatakan oleh Imam al-Ghazali iaitu gemar makan dan minum, banyak berkata-kata (yang sia-sia), marah, hasad dengki dan iri hati, kasih pada harta, takbur, riyak, ujub, dan kasih akan dunia.

Pertamanya dalam menghapuskan sifat-sifat mazmumah, Tazkiyyat al-Nafs berperanan membentuk individu muslim berakhlak mulia. Individu yang mempunyai atau masih mengamalkan sifat mazmumah dirinya masih belum suci atau masih belum tergolong sebagai individu muslim yang berakhlak mulia. Setiap perbuatan dan perlakuan seseorang bergantung kepada hatinya. Walau bagaimanapun hati seseorang tidak bergantung kepada perbuatan atau tingkah laku seseorang. Ini bermaksud seseorang yang melakukan perbuatan baik dan sopan bermakna hatinya telah bersih dan suci. Hal ini jelas di terangkan oleh baginda Rasulullah SAW. Di dalam hadis yang bermaksud: *“Ketahuilah sesungguhnya di dalam tubuh manusia ada seketul darah (Mudghah) jika ia baik maka baiklah seluruh tubuhnya, jika ia rosak maka rosaklah seluruh tubuh itu, ia adalah hati”*. (Hadis riwayat Muslim)”.

Oleh yang demikian itu, jalan yang terbaik ialah kita berusaha membersihkan hati atau berusaha mencapai ke arah Tazkiyyat al-Nafs dimana sifat mazmumah secara automatik akan dapat dihindari. Dalam masa yang sama secara automatik juga akan lahir sifat mahmudah dalam diri seseorang yang sudah mencapai Tazkiyyat al-Nafs.

Keduanya ialah Tazkiyyat al-Nafs merupakan antara tujuan utama Rasulullah SAW. diutuskan. Allah SWT. telah menjelaskan di dalam surah al-Jumuah ayat 2 yang bermaksud:

Dialah yang mengutuskan kepada kaum yang buta huruf seorang rasul diantara mereka, yang membacakan ayat-ayatnya kepada mereka, mensucikan mereka dan mengajarkan kepada mereka kitab dan hikmah(as-sunnah). Dan sesungguhnya mereka sebelumnya benar-benar dalam kesesatan.(Al-Jumu'ah ayat 2)

Jika dilihat dalam ayat ini, perutusan Rasulullah SAW bukanlah semata-mata untuk berdakwah malah untuk mensucikan hati seluruh umat manusia. Rasulullah SAW berusaha bersungguh-sungguh memulakan dakwahnya dengan menanam dan membetulkan aqidah para sahabat dan masyarakat jahiliyah sebelum baginda secara terang-terang berdakwah menyebarkan agama Islam. Hal ini jika kita perincikan, aqidah berkait rapat dengan hati kerana pengertian aqidah merangkumi tiga aspek utama iaitu membenarkan dalam hati, mengucap dengan lidah dan beramal dengan anggota badan. Sudah pasti penyucian hati amat penting untuk seseorang menerima seruan Islam yang di bawa oleh Rasulullah SAW. yang sebelumnya mereka telah menganut agama nenek moyang sejak sekian lama.

Syaikh Said Hawwa (1998) dalam bukunya Tazkiyyat nafs ada menjelaskan bahawa Tazkiyyatun nafs adalah salah satu tugas utama para rasul, ia juga merupakan tujuan yang di capai oleh orang-orang yang bertaqwa. Dalam buku Sirah Nabawiyyah karangan Saffiyu al-Rahman menyebut antara matlamat utama di permulaan dakwah baginda Rasulullah SAW. ialah membersihkan pakaian dan menjauhi segala kejahatan supaya mencapai pembersihan zahir batin. Ia juga bermaksud membersihkan jiwa dari sebarang keburukan dan cemar sehingga sampai ke tahap sempurna. Maka, barulah jiwa manusia layak berada dalam naungan rahmat Allah SWT. yang berterusan, dalam pemeliharaannya, hidayahnya dan cahayanya. Akhirnya jadilah dia seorang yang paling baik untuk dicontohi dalam masyarakat manusia, setiap hati yang sihat atau baik akan tertarik kepadanya, dan hati-hati yang menyeleweng atau jahat akan terasa betapa hebatnya dia, sehingga semua isi dunia menumpukan perhatian kepadanya sama ada mereka setuju atau membantah.

Apa yang penting di sini ialah, Tazkiyyat al-Nafs hendaklah menjadi tujuan utama setiap muslim dalam mencapai ketaqwaan. Dengan adanya sifat taqwa hasil dari penyucian hati maka sudah pasti diri seseorang itu tidak

ada ruang di dalam hatinya untuk melakukan sifat mazmumah. Malah, mereka yang jauh dari sifat mazmumah akan hampir kepada sifat mahmudah. Orang yang suci hatinya bukan sahaja mempunyai kelebihan untuk dirinya, tetapi akan menjadi tarikan kepada umat manusia yang mempunyai hati yang baik dan mereka yang tidak mempunyai kesucian hati juga akan menghormati orang yang suci hatinya.

Ketiga ialah Allah juga telah mengiktiraf mereka yang mensucikan hatinya akan tergolong sebagai orang mukmin yang untung dan berjaya. Perkara ini dijelaskan dalam Firman Allah SWT. yang maksud: *“Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman. Dan dia ingat nama tuhan, lalu dia solat”* (Surah Al-a'laa : 14 -15). *“Sesungguhnya beruntunglah orang-orang beriman, iaitu orang-orang yang khusyu' dalam solatnya, dan orang-orang yang menjauhkan dirinya dari (perbuatan dan perkataan) yang tiada berguna”* (Surah al-mukminun : 1-3).

Menurut Syaikh Said Hawwa (1998) solat memainkan peranan yang besar dalam proses tazkiyyatun nafs. Secara lahirnya, penegakkan solat yang sempurna dapat memusnahkan bibit-bibit kesombongan dan pembangkangan kepada Allah SWT. meleraikan sifat 'ujub, bahkan dapat mencegah kita dari kemungkaran dan kekejian. Ini menunjukkan khusyuk dalam solat merupakan peranan yang besar dalam proses penyucian hati. Kesucian hati amat penting untuk mencapai kekhusyukan di dalam solat. Ramai orang Islam menunaikan solat, tetapi sejauh mana khusyuk seseorang itu apabila menunaikan solat. Rasulullah SAW juga ada menyebut berkaitan hal ini dalam hadis yang diriwayatkan oleh Tabrani yang bermaksud : *“Ilmu yang pertama diangkat dari muka bumi adalah kekhusyukan”*. (Riwayat Tabrani).

Ilmu kekhusyukan ini berkait rapat dengan ilmu penyucian hati. Hal ini dapat dilihat pada awal ayat surah al-Mukminun antara orang-orang yang berjaya ialah mereka yang khusyuk dalam solat dan orang-orang yang menjauhkan dirinya dari perbuatan dan perkataan yang tiada berguna. Demikianlah pentingnya kedudukan khusyuk dalam solat, sehingga solat yang tidak disertai dengan khusyuk boleh menggambarkan rosaknya hati seseorang. Hati yang tidak bersih dan dikuasai oleh hawa nafsu tidak mungkin akan mendapat kekhusyukan dalam solat. Maka apabila tidak khusyuk di dalam solat sudah tentulah mereka ini bukan di kalangan orang yang menjauhi diri dari berkata yang sia-sia. Namun sebaliknya, jika seseorang khusyuk dalam solat maka dia juga akan menjauhi dirinya dari berkata yang sia-sia serta akan berusaha memelihara aspek-aspek lain seperti menjaga kemaluan dan membayar zakat.

Seterusnya yang ke empat ialah disamping membersihkan diri dari sifat-sifat mazmumah dalam masa yang sama hendaklah diisi dengan sifat-sifat mahmudah. Membersihkan diri dari sifat mazmumah ialah meninggalkan segala perkara-perkara yang keji dan apa yang dilarang oleh agama dan mengamalkan segala yang diperintahkan oleh Allah SWT. Perkara ini juga dinamakan proses Takhalli, Tahalli dan Tajalli. Takhalli ialah merujuk kepada usaha membersihkan hati daripada penyakit-penyakit hati yang bersarang di dalam jiwa. Usaha-usaha tersebut ialah dengan membuang segala sifat-sifat mazmumah iaitu perkara-perkara mungkar dan maksiat yang bersekolong di dalam diri (Rosnaaini, 2019). Tahalli pula ialah merujuk kepada usaha mengisi diri dengan sifat-sifat mahmudah, dan yang terakhir ialah Tajalli iaitu mengekal kebaikan-kebaikan yang telah tertanam. Usaha-usaha tersebut boleh dilakukan melalui kaedah pengisian diri dengan sifat-sifat mahmudah dan menunaikan perkara ketaatan serta kebaikan secara ikhlas. Secara ringkasnya contoh sifat-sifat mahmudah yang akan mengisi seseorang yang berada di peringkat Tahalli ini ialah seperti taubat iaitu memohon keampunan dari Allah disamping meninggalkan keburukan dan kembali kepada kebaikan. Khauf iaitu rasa gerun dengan kebesaran Allah SWT. Zuhud iaitu tidak cenderung hati kepada dunia kerana dunia tidak kekal. Sabar iaitu menahan diri dari keluh kesah pada sesuatu yang tidak disukai. Syukur iaitu mengaku dan memuji Allah SWT. atas segala nikmat yang dikurniakan dan menggunakannya ke jalan kebaikan. Ikhlas iaitu melakukan sesuatu amal kebaikan atau ibadah hanya semata-mata kerana Allah SWT. Tawakkal iaitu menetapkan hati dan berserah kepada Allah atas segala hal. Mahabbah iaitu rasa kasih sayang sesama manusia seperti mengasihi diri sendiri. Redha iaitu akur dengan segala ketetapan atau takdir Allah SWT. Mengingati mati iaitu sentiasa ingat akan kematian yang akan sampai kepada setiap manusia.

Peringkat seterusnya menurut Syed Mohammad (2017) menggariskan beberapa jenis ibadah yang boleh dilakukan dalam proses Tazkiyyah al-Nafs dan dengan ibadah tersebut secara tidak langsung akan membantu menghilangkan sifat-sifat mazmumah. Antara ibadah tersebut ialah seperti solat, puasa, berzikir dan bertafakur. Menurut al-Ghazali solat merupakan perkara paling utama dalam membersihkan jiwa. Solat yang akan membersihkan jiwa ialah solat yang khusyuk kerana solat orang yang lalai dan leka tidak diterima oleh Allah SWT. Puasa juga merupakan ibadah yang boleh menyucikan jiwa. Puasa akan melatih seseorang bersabar dan mengawal hawa nafsu termasuk perut dalam hal pemakanan dan nafsu shahwat. Zikir mengingati Allah SWT merupakan amalan yang amat digalakan selepas solat. Terdapat ayat al-quran yang menyatakan bahawa dengan berzikir boleh menenangkan hati. Yang terakhir ialah bertafakur terhadap kejadian alam. Menurut al-Ghazali berfikir adalah merupakan anak kunci untuk memperolehi 'nur' atau cahaya petunjuk terhadap sesuatu perkara. Ia merupakan pokok penglihatan mata hati serta alat untuk mencapai ma'rifah, ilmu pengetahuan dan pengalaman. Dengan ibadah-ibadah yang digariskan akan membawa pengamalannya ke peringkat yang lebih baik. Amalan yang baik ini akan membawa kepada kejayaan seseorang memperolehi peringkat nafsu al-Mutma'innah iaitu nafsu yang penuh dengan sifat-sifat mahmudah.

4. KESIMPULAN

Proses menghilangkan sifat mazmumah dan menghidupkan sifat mahmudah di dalam diri bukanlah suatu jalan yang mudah, namun dengan panduan dan kaedah yang telah dibincangkan, ia bukanlah suatu yang mustahil. Berdasarkan penjelasan yang telah diberikan jelas menunjukkan konsep tazkiyyah al-nafs ini amat penting untuk dimiliki oleh setiap individu yang ingin menempatkan diri dalam kalangan orang-orang yang beriman. Dalam usaha untuk mencapai ke tahap konsep ini, riyadhah dan mujahadah yang tinggi amat diperlukan. Tidak rugi bagi seseorang yang bertungkus lumus melakukan sesuatu perkara yang akhirnya akan memberikan ketenangan dan kebahagiaan yang bukan sahaja di dunia malah di akhirat. Semoga apa yang diperolehi hasil dari penulisan ini akan memberi kekuatan kepada penulis dan sesiapa yang membacanya supaya terpilih untuk berusaha menempatkan diri supaya mencapai konsep ini yang dinamakan proses penyucian jiwa atau tazkiyyah al-nafs.

REFERENCES

- Ishak, A. (1993). Kamus al-Jadid: Arab-Melayu. Penerbitan Sri Kota. Kuala Lumpur.
- Ismail, K. & Mohd. Azrul, A. A. H. (2013). Indah Hidup Bersyariat Modul Fardhu Ain, Keluarga dan Masyarakat Sepanjang Hayat. Telaga Biru Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Rosnaaini, H. (2019). Diet Ahli Sufi. Universiti Utara Malaysia. Sintok.
- Rosnaaini, H. (2015). Adab sebelum Suluk Tarekat Naqshabandiyyah Mengikut Sheikh Abdul Wahab Rokan. Universiti Utara Malaysia. Sintok.
- Sa'id, H.(1998). Tarbiyyah al-Ruhaniyyah, Terjemahan. Khairul Rafie. Pustaka Mizan. Bandung.
- Syed Mohammad, H. (2017). Tazkiyyah al-Nafs Menurut Ahli Sufi. Jurnal Qalbu 1.5, 80-108.
- Qassim, G. (1970). Tarikh al-Tasawwuf fi al-Islam. Qaherah: Maktabah al-Nahdhah al-Misriyyah.
- Saffiyu, A. (2017). Sirah Nabawiyyah. Terjemahan. Muhammad Ramzi Omar. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Kuala Lumpur.